

# Aplikasi *Maqasid Syariah* Dalam Fatwa Berkaitan Penggunaan Rokok Elektronik Dan Shisha Di Malaysia

Wan Zulkifli Wan Hassan<sup>1</sup>, Nabilah Abdullah<sup>2</sup>, Nazri Muslim<sup>1</sup>, Jamsari Alias<sup>1</sup> dan Zulkifli Mohamad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia;

<sup>2</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia, Malaysia

## Progres Artikel

Diterima: 17 July 2017

Disemak: 17 Jan 2018

Diterbit: 1 Jun 2018

\*Corresponding Author:  
Nazri Muslim, Pusat Citra,  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, Bangi, Malaysia;  
Email: nazrim@ukm.edu.my

**Abstrak:** Penggunaan rokok elektronik dan shisha telah menular dalam masyarakat Malaysia terutamanya anak muda pada masa kini. Ia seolah-olah tidak mampu dibendung sehingga penggunaannya dianggap sebagai suatu keseronokan dan kebanggaan bagi kehidupan mereka. Namun adapula masyarakat Malaysia sedar bahawa syariat Islam mempunyai garis panduan yang sebenar bagi mereka mengenai kepenggunaan bahan-bahan yang boleh memberi kemudaratkan kepada mereka. Oleh itu permasalahan tersebut perlu diselesaikan melalui penjelasan hukum dan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti. Terdapat banyak fatwa untuk menyelesaikan isu tersebut sebagai suatu penjelasan hukum kepada masyarakat dengan harapan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat akan terus terpelihara. Oleh yang demikian, institusi fatwa sama ada di peringkat persekutuan atau negeri memainkan peranan yang amat signifikan bagi memastikan amalan hidup secara beragama dan sihat dapat direalisasikan sepenuhnya. Kajian secara menyeluruh terhadap fatwa yang sedia ada bagi penggunaan rokok elektronik dan shisha perlu diambil perhatian bagi memastikan matlamat penjelasan dan pengamalan tercapai. Fatwa yang dikeluarkan oleh mufti dan jawatankuasa fatwa tidak akan diputuskan tanpa tujuan, matlamat dan keperluan. Ia perlu selari dengan hukum syarak yang ditetapkan oleh Allah melalui al-Quran dan al-Sunnah sekali gus perlu menepati matlamat dan hikmahnya yang lebih dikenali sebagai “*maqasid syariah*”. Dalam artikel ini, penulis hanya melihat sejauh mana keperluan *maqasid syariah* diambil perhatian dan pertimbangan wajar dalam penentuan sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan institusi fatwa di beberapa buah negeri dalam isu yang berkaitan penggunaan rokok elektronik dan shisha dari tahun 2010 hingga 2015. Penulis mendapati, kesemua fatwa yang telah diputuskan mengambil kira pengaplikasian *maqasid syariah* demi untuk menjaga dan mengukuhkan lagi bukan sahaja berkaitan agama, bahkan ia juga melibatkan nyawa, akal, maruah dan harta benda masyarakat Islam.

**Kata kunci:** *Maqasid Syariah*, Fatwa, rokok elektronik, shisha, Malaysia,

**Abstract:** The usage of electronic cigarette (e-cigarette) and shisha has been expanding rapidly especially among young Malaysians, as if they are unstoppable and their usages are regarded as pleasure. This brings the question whether Malaysian community realize on the prohibitions of hazardous elements in their lives as outlined in Islam as clearly stated by the authorities in their Islamic legal rulings / law (fatwa). There are several fatwas produced to ensure the health and safety of the people are intact. Therefore the fatwa institutions from the federal as well as states play significant role in ensuring a harmonious and religious lives among citizens are upheld. Therefore, there is a need for studies on fatwa on e-cigarette and shisha need to be holistically researched, as they are produced with great intentions. The fatwa must also in line with al-Quran and al-Sunnah as well as relevant with their aims and wisdoms which are known as “*maqasid syariah*”. In this article, the writers investigate the requirements of *maqasid syariah* in the development of fatwas among Majlis Fatwa Kebangsaan and a few other states’ fatwa institutions relating to e-cigarette and shisha usages from the period of 2010 to 2015. The writers found out that all of the fatwas produced, have included the opinions and rulings of *maqasid syariah* to uphold and enforce not only on religious perspectives, but also for the sake of lives, minds, dignities and possessions of Muslims.

**Keywords:** *Maqasid Syariah*, Fatwa, *electronic cigarette*, shisha, Malaysia

## Pengenalan

Secara umumnya menunjukkan institusi fatwa di Malaysia dilihat sebagai pandangan rasmi negeri berkenaan hukum-hakam agama dan diletakkan di bawah bidang kuasa mufti dan jawatankuasa fatwa. Mufti dan jawatankuasa fatwa adalah badan tertinggi yang dijadikan rujukan masyarakat Islam mengenai persoalan hukum syarak agar menepati dengan kehendak maqasid syariah. Tambahan pula institusi ini diiktiraf oleh undang-undang Islam di Malaysia. Pada kebiasaannya, setiap keputusan yang diambil oleh para mufti dan jawatankuasa mengambil kira kepentingan dan kemasyhahatan umum agar masyarakat Islam berada dalam keadaan yang sejahtera dan memastikan kemudaratan kepada kesihatan mereka dihindari.

Antara perkara yang dititik beratkan oleh mufti dan jawatankuasa fatwa adalah masalah yang berkaitan dengan permasalahan kesihatan seperti penggunaan bahan terlarang dan diharamkan. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai majoriti beragama Islam perlu bersikap prihatin dalam isu seumpama ini. Bagi masyarakat Islam, mereka perlu menyedari dan dapat membezakan antara halal dan haram dalam aspek kehidupan termasuk perkara yang berkaitan kepenggunaan. Dewasa ini, senario yang berlaku di Malaysia mengenai isu penggunaan rokok elektronik dan shisha hangat diperkatakan. Hal ini dikatakan demikian kerana isu tersebut dilihat menyumbang kepada persepsi yang kurang disenangi oleh sebahagian masyarakat Islam termasuk pihak berkuasa seolah-olah menggambarkan mereka kurang menitik beratkan persoalan yang berkaitan halal dan haram yang wajib diamalkan oleh masyarakat Islam.

Suasana tersebut menimbulkan kecelaruan dalam kalangan masyarakat Islam terhadap permasalahan tersebut, adakah ia dibenarkan di dalam Islam, adakah penggunaan bahan tersebut tidak menjasaskan kesihatan mereka, adakah perbuatan tersebut dianggap sebagai amalan biasa yang tiada kena mengena dengan agama dan beberapa persoalan lain timbul. Kesemua ini memerlukan suatu jawapan yang utuh dalam konteks Islam agar masyarakat mempunyai sikap dan pendirian yang jelas dari sudut hukum dan amalannya. Justeru masyarakat Islam perlu merujuk kepada pihak yang berautoriti seperti mufti dan jawatankuasa fatwa dalam perkara yang berkaitan demikian. Artikel ini akan cuba menjawab beberapa persoalan tersebut.

Bagi tujuan ini, artikel ini akan membincangkan bagaimana mufti dan jawatankuasa fatwa mengambil kira *maqasid syariah* dalam memutuskan beberapa fatwa berkaitan penggunaan rokok elektronik dan shisha. Ini adalah bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan

yang ditimbulkan oleh masyarakat berhubung permasalahan tersebut. Dengan keputusan fatwa tersebut diharap dapat mewujudkan kestabilan sosial dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia dan sekaligus menepati dengan maqasid syariah.

## Rokok Elektronik

Rokok elektronik pertama sekali diperkenalkan oleh Herbert A. Gilbert pada tahun 1963 namun tidak dikomersialkan dan kemudian senyap pada tahun 1967. Rokok elektronik yang pertama digunakan pada masa kini berasal daripada ciptaan ahli farmasi dari negara China, Hon Lik pada tahun 2003, yang mengewapkan nikotin yang dilarutkan dalam cecair *propylene glycol*. Wap ini sebagai agen pembawa nikotin yang disedut ke dalam paru-paru dan kemudiannya masuk ke dalam aliran darah. Tujuannya untuk memberikan dos nikotin kepada perokok tanpa perlu menyedut asap rokok yang mengandungi bahan kimia berbahaya lain (Gilbert HA. 1965).

Pada awalnya, e-rokok dibina untuk menyerupai rokok biasa. Namun setelah istilah vapor diperkenalkan, e-rokok mengambil satu identiti yang berbeza daripada rokok biasa. Rokok elektronik terdiri daripada beberapa bahagian utama iaitu bateri, atomizer dan penyedut. Secara ringkas, bateri membekalkan tenaga elektrik kepada atomizer yang akan memanaskan cecair *e-liquid* menjadi wap. Pengguna akan menyedut wap ini melalui penyedut.

Rokok elektronik adalah nama panggilan kepada alat yang membekalkan dos nikotin dalam bentuk wap dengan memanaskan cecair campuran *propylene glycol*, *glycerol*, perasa makanan dan nikotin menjadikannya berbentuk wap dan disedut oleh pengguna. Alat ini memberikan perokok yang ingin berhenti merokok masih mendapatkan dos nikotin dan masih lagi dapat menikmati aktiviti merokok kerana wap yang dikeluarkan adalah kelihatan seumpama asap rokok. Terdapat beberapa nama panggilan untuk rokok elektronik ini termasuklah e-Rokok, vapor dan e-cig. Namun, oleh kerana panggilan rokok elektronik masih menggunakan perkataan ‘rokok’, ianya masih lagi memberikan stigma kepada masyarakat yang tidak arif mengenainya. Panggilan ‘vapor’ yang bermaksud ‘wap’ adalah lebih ringan diterima masyarakat (Maria Mironidou-Tzouveleki, Evangelia Tzitziki, Panagiotis Tzitzis. 2015; Herzog B., Metrano B., Gerber J. 2012).

Terdapat pelbagai model yang boleh didapati pada pasaran hari ini dan biasanya terbahagi kepada dua jenis iaitu elektronik dan mekanikal. Model elektronik mengandungi cip elektronik yang dapat mengawal kuasa elektrik yang dibekalkan kepada atomizer. Manakala model mekanikal pula tidak mengandungi sebarang kawalan namun ianya lebih digemari dan mudah

dikendalikan kerana sifatnya yang sukar rosak.

## Atomizer

Terdapat beberapa jenis atomizer yang sering digunakan termasuklah *cartomizer*, *clearomizer* dan *rebuildable atomizer* yang masing-masing berbeza dari segi struktur dan penggunaan. Secara amnya, pengguna e-rokok yang menggunakan model ala ego menggunakan atomizer. Atomizer adalah bahagian yang menukar cecair e-liquid kepada wap. Ianya terdiri daripada pemanas yang memanaskan *e-liquid* yang membasahi bahagian yang memegang *e-liquid*. Biasanya bahagian ini dibina daripada sumbu (wick), dawai besi tahan karat (stainless steel wire) dan jaringan besi tahan karat (stainless steel mesh). Atomizer pula terdapat pelbagai struktur seperti gulungan atas (top coil), gulungan bawah (bottom coil), titisan (drip) dan lain-lain (Mironidou-Tzouveleki, Maria; Tzitzzi, Evangelia; Tzitzis, Panagiotis. 2015).

## E-Liquid

E-liquid adalah campuran *propylene glycol* (PG), *vegetable glycerin* (VG, glycol), perasa dan nikotin. Ada juga campuran yang tidak dimasukkan nikotin. Nikotin mlarut dengan baik dalam PG manakala VG pula menggalakkan kepekatan wap yang dihasilkan. Perasa yang digunakan adalah perasa makanan yang biasa digunakan dalam produk makanan (Leon Kosmider, Andrzej Sobczak, Maciej Fik, Jakub Knysak, Marzena Zacierka, Jolanta Kurek, Maciej Lukasz Goniewicz. 2014)

## Propylene glycol, PG

US Food and Drug Administration (USFDA), sebuah badan yang memantau makanan dan ubatan di Amerika Syarikat mengelaskan PG sebagai ‘secara amnya selamat’. PG digunakan sebagai pelembap, pelarut dan pengawet. Ianya digunakan dalam ubat-ubatan termasuklah ubat yang dimakan, disuntik dan disapu. PG telah dibuat kajian tentang tahap bahaya kepada kesihatan manusia, namun hanya pengambilan yang sangat tinggi dan pada masa yang singkat sahaja akan membahayakan kesihatan manusia (*Propylene glycol*: [http://en.wikipedia.org/wiki/Propylene\\_glycol](http://en.wikipedia.org/wiki/Propylene_glycol)).

Satu kajian telah dijalankan oleh sekumpulan saintis dengan mendedahkan tikus dan monyet kepada wap *propylene glycol* berkepekatan tinggi selama 12 bulan hingga 18 bulan. Pemeriksaan terhadap kadar pertumbuhan, fungsi buah pinggang, air kencing, ujian darah dan kesuburan telah dilakukan dan didapati tiada perbezaan yang ketara berbanding dengan kumpulan yang tidak didedahkan kepada wap PG kecuali kenaikan berat badan yang lebih ketara pada kumpulan tikus yang didedahkan kepada wap PG. Pemeriksaan autopsi juga

telah dilakukan dan sebarang keadaan yang tidak normal tidak dijumpai. Pemeriksaan paru-paru untuk mencari sebarang kesan daripada PG juga tidak dijumpai. Begitu juga buah pinggang, hati, limpa dan sumsum tulang adalah normal. Keputusan daripada kajian ini menunjukkan dedahan kepada udara yang tepu dengan wap PG tidak akan memberikan kesan buruk kepada kesihatan(Lihat: [http://www.canadavapes.com/health/pro\\_pylene-glycol-safety.html](http://www.canadavapes.com/health/pro_pylene-glycol-safety.html) ).

## Vegetable Glycerin, VG

VG adalah bahan yang didapati daripada minyak tumbuhan. Sifatnya yang manis dapat menggantikan gula namun lebih rendah kalori, dan banyak digunakan sebagai bahan dalam kosmetik, makanan, ubat-ubatan dan lain-lain. VG dapat menyerap kelembapan dalam udara yang menjadikannya bahan tambahan dalam makanan untuk mengekalkan makanan supaya lembap. Makanan redah lemak atau rendah gula biasanya menggunakan VG sebagai pemanis kerana ianya tidak menyebabkan kesan drastik kepada kandungan gula dalam darah dan tidak menyebabkan kerosakan gigi malah ianya tidak menjadi makanan kepada bakteria untuk membiak (Lihat: <http://www.wisegeek.com/what-is-vegetable-glycerin.htm>; <http://en.wikipedia.org/wiki/Glycerin>)

## Perasa

Perasa yang digunakan dalam e-liquid adalah perasa yang digunakan dalam makanan. Terdapat pelbagai perasa seperti tembakai, laici, perasa rokok, anggur dan lain-lain. Perasa ini menambahkan kenikmatan pengguna dan tidak mengotorkan bau udara.

## Nikotin

Nikotin adalah bahan yang didapati daripada tumbuhan dan merupakan ubat perangsang semula jadi. 0.6% – 3% nikotin dikenal pasti ada dalam daun tembakau kering manakala 2-7 ug/kg dalam tumbuhan lain. Nikotin dapat menyebabkan ketagihan sama seperti ketagihan kepada heroin dan kokain. Nikotin memberi kesan kepada psikologi seperti mampu mengubah mood dan biasanya perangsang dan penenang. Nikotin menyebabkan hati mengeluarkan glukosa dan adrenalin yang merangsang. Nikotin juga menenangkan, menajamkan fikiran, merehatkan dan meningkatkan fokus. Namun ianya juga mengurangkan selera dan meningkatkan metabolisme. Perokok biasanya mengalami kekurangan berat badan (Ahmad Yusdirman. 2016).

Apabila nikotin disedut melalui paru-paru dan terus mengalir melalui darah ke otak, dalam tujuh saat akan merangsangkan otak mengeluarkan banyak bahan

kimia yang merangsang saraf. Ianya dapat meningkatkan tumpuan dan ingatan, meningkatkan fokus, meningkatkan nafsu seksual, mengurangkan sakit, mengurangkan kerisauan, meningkatkan kesan *dopamine* dan meningkatkan sensitiviti otak (Ahmad Yusdirman. 2016).

Namun nikotin juga mampu meningkatkan tekanan darah dan kadar degupan jantung. Pengambilan nikotin dalam jumlah yang tinggi (30mg-60mg) mampu mengakibatkan kematian kepada manusia dewasa. Walau bagaimanapun pengambilan nikotin melalui rokok menyebabkan masalah kesihatan lain yang lebih besar seperti kanser, jantung dan paru-paru. (Ahmad Yusdirman. 2016).

## Shisha

Shisha adalah sejenis alat yang digunakan untuk mengeluarkan asap (*smoking*) menggunakan penuras air dan haba secara tidak langsung. Ia boleh digunakan bagi menghisap berbagai bahan seperti herba buah, tembakau, dan ganja. Shisha turut dikenali dengan nama yang berbagai seperti paip panjang, *nargeela*, *nargile*, *narghile*, *nargileh*, *argeela*, *arghileh*, *shisha*, *sheesha*, *okka*, *kalian*, *hookah*, *ghelyoon*, atau *ghelyan*. Bergantung kepada perbezaan geografi. Nama-nama ini berasal dari perkataan Arab, India, Turki, Uzbekistan, dan juga Parsi. *Narghile* berasal dari perkataan Parsi ‘*nargil*’ bermakna kelapa dan dalam bahasa Sanskrit; paip yang asal, datang dari India dan diperbuat daripada kulit kelapa (The Sacred Narghile. (updated 2006) (cited 23 June 2007). Available at URL: <http://www.sacrednarghile.com/en/index.php>; Rima Nakkash, Joanna Khalil. 2010, Health Warning Labelling Practices On Narghile (Shisha, Hookah) Waterpipe Tobacco Products And Related Accessories, in *Tobacco Control*, 19:235-239, <http://tobaccocontrol.bmjjournals.org>).

Secara umumnya alat shisha terdiri daripada beberapa bahagian utama iaitu (Kamal Chaouachi. 2009)

- Bahagian kepala (*head*), yang merupakan sebiji mangkuk (yang diperbuat daripada tanah liat) untuk meletakkan tembakau dan arang.
- Bahagian badan atau tengah (*body*), merupakan penghubung antara bahagian kepala dan bahagian bawah dan kebiasaannya ia diperbuat daripada bahan logam ataupun kayu.
- Bahagian bawah yang merupakan sebiji mangkuk air (*water bowl/ water chamber*). Biasanya ia diisikan dengan air tetapi kadang kala ia juga boleh diisikan dengan susu, jus buah-buahan ataupun wain. Bekas air selalunya diperbuat daripada kaca.
- Hos dan alat penyedut (*mouthpiece*) yang digunakan untuk menyedut asap keluar daripada alat shisha tersebut. Namun begitu terdapat juga beberapa

perbezaan dalam reka bentuk shisha ini mengikut tempat serta adat penduduk yang menggunakaninya. Sebagai contoh, ada yang mempunyai hos dan alat penyedut yang lebih dari satu dan boleh dikongsi berdua atau lebih dan juga perbezaan pada bentuk dan saiz bahagian kepala atau bekas airnya.

## Konsep Asas *Maqasid Syariah*

Syariah Islam merupakan panduan yang paling agung dan mempunyai nilai yang tinggi. Dengan ini, sudah semestinya ia mempunyai objektif yang tertentu untuk mencapainya. Tujuan memahami *maqasid syariah* adalah untuk memahami nas-nas syarak dan mengaplikasi ke atas masalah-masalah yang baru timbul dan mengambil dalil daripadanya ke atas hukum bagi permasalahan-permasalahan tersebut (Wan Zulkifli Wan Hassan, et. al, 2016). Di samping itu, antara tujuan memahami *maqasid syariah* adalah untuk mendapat penyelesaian terhadap dalil-dalil yang bertentangan di antara satu sama lain serta mengetahui dalil yang lebih utama diterima atau ditinggalkan dengan cara mengetahui rahsia dan matlamat pensyariatan sesuatu syariat. (Badran Abu al-‘Ainain Badran. 1969; Abdul Rahman Ibrahim al-Kailani. 2000)

Dengan memahami *maqasid syariah*, ia membantu umat Islam mengetahui bahawa segala hukum yang ditentukan oleh Allah SWT adalah bertujuan untuk memberi kebaikan atau menghalang kemudaratan ke atas mereka. Hal ini berlaku jika membuat penelitian yang mendalam kepada kehendak hukum yang terdapat dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW (Hasan Ahmad. 1999).

Dalam membahaskan teori *maqasid syariah*, kebiasaannya akan membahaskan mengenai lima tungggak utama kehidupan (*daruriyyat*) iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Imam al-Ghazali Al-Mustashfa min ‘Ilm al-Usul, Al-Muassasah al-Risalah, cet.1 1436H-2015M). Kemudian disusuli dengan keperluan mendesak (*hajiyat*) dan akhir sekali jaminan Islam kepada keperluan yang tidak mendesak (*tahsiniyyat*). Dalam masa yang sama, Islam menyediakan kaedah tertentu dalam menghadapi dan menyelesaikan ketiga-tiga perkara di atas supaya tidak berlaku pertembungan kepentingan atau *maslahah*. Ia dianggap sebagai suatu penyelesaian yang berdasarkan kepada susunan keutamaan. Hal ini dianggap penting kerana akan melahirkan kesejahteraan dan suasana stabil kepada pengurusan hidup manusia dalam pelbagai bidang (Shukeri Mohamad. 1996).

Pada kebiasaan *maqasid syariah* menekankan kepada soal pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, dalam artikel ini akan melihat kepada kesemua aspek tersebut dan menganalisis kerelevanannya dengan fatwa berkaitan isu yang dibincangkan di Malaysia.

## **Maqasid Syariah Dalam Fatwa Berkaitan Penggunaan Rokok Elektronik, Vape dan Shisha**

Islam amat menitik beratkan mengenai kehidupan manusia. Ia bukan sahaja urusan yang berkaitan dengan kepercayaan agama, bahkan ia juga melibatkan nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Justeru objektif syariah (*maqasid syariah*) menitik beratkan kelima-lima perkara ini yang mesti dipelihara dan perkukuhkan. Berikutnya penulis mengemukakan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti di Malaysia bagi menjelaskan mengenai isu penggunaan rokok elektronik dan shisha serta mengaitkannya dengan pengaplikasian *maqasid syariah* bermula dari tahun 2010 sehingga 2015.

### **Rokok Elektronik Dan Vape**

Dalam isu yang berkaitan penggunaan rokok elektronik atau vape, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia Bil. 3/2015 yang bersidang pada 21 Disember 2015 di Hotel Sama-Sama, KLIA, Sepang, Selangor Darul Ehsan telah membincangkan isu ini. Keputusan yang dibuat oleh Muzakarah tersebut sememangnya mengambil kira *maqasid syariah* dalam penentuan hukum penggunaannya.

Keputusan yang dibuat oleh Muzakarah ini mengambil kira semua aspek dan mendapat maklumat yang jelas daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan pembentangan kertas kajian hukum mengenai “Rokok Elektronik dan Vape”.

Justeru dari sudut saintifik kesihatan, pihak Muzakarah mendapati bahawa rokok elektronik mengandungi *Nikotin*, *Propylene Glycol*, *Vegetable Glycerin* dan bahan perisa dan pewarna. Manakala vape pula mengandungi *Propylene Glycol*, *Vegetable Glycerin* dan bahan perisa dan pewarna (Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2016).

Sementara itu, bahan-bahan yang terkandung rokok elektronik dan vape tersebut boleh memudaratkan dan boleh memberi kesan kepada kesihatan seperti ketagihan, menggalakkan pembekuan darah, kematian mengejut, iritasi pada mata, tekak dan kulit serta mampu membunuh sel paru-paru. Kandungan lain yang terdapat di dalam rokok elektronik dan vape juga boleh mendatangkan kesan sampingan kepada kesihatan (Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2016).

Tambahan pula, prinsip *passive smoker* seperti pada rokok konvensional juga terpakai pada rokok elektronik dan vape di mana orang yang berada di sekeliling juga mendapat kesan hembusan wap yang keluar daripada rokok elektronik dan vape. Oleh itu, ia tidak hanya memberi mudarat kepada penghisap rokok

elektronik dan vape tersebut bahkan juga orang di sekeliling mereka.

Berdasarkan dapatan kajian-kajian dari sudut perubatan dan saintifik yang dibentangkan tersebut, rokok elektronik dan vape masih tidak terbukti sebagai alternatif rawatan ketagihan berhenti merokok atau nikotin oleh perokok-perokok, malahan ia menyebabkan lebih ramai akan terjebak dalam permasalahan ini, termasuk remaja dan kanak-kanak.

Dari perspektif syarak, pihak Muzakarah mendapati hukum pengharaman memakan atau meminum atau mengambil bahan-bahan yang memudaratkan disebut oleh ulama daripada keempat-empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali dalam kitab-kitab mereka. Mereka menyatakan bahawa bahan-bahan yang memudaratkan tubuh badan haram dimakan, diminum atau diambil sekalipun ia suci seperti racun, tanah, kaca dan seumpamanya (Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2016).

Salah satu dalil umum dalam pengharaman penggunaan rokok elektronik dan vape ini ialah perbuatan tersebut memudaratkan tubuh. Syariat Islam melarang perbuatan dan tindakan yang membawa kepada kebinasaan dan memudaratkan diri. Ia memang selari dengan *maqasid syariah* dalam memelihara nyawa dan akal agar manusia mengelak diri dari segala bentuk yang boleh menyebabkan kemudaratkan seperti penyakit dan kehilangan nyawa dan akal (Yusuf Hamid al-‘Alim. t.th.). Tambahan pula ia bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”.

Hadis Nabi SAW juga menjelaskan perkara yang sama sebagaimana berikut yang bermaksud:

“Tidak boleh mudaratkan (diri sendiri) dan memberi kemudaratkan (kepada orang lain)”.

(Hadith riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al-Daraqutni)

Antara kriteria kemudaratkan yang diambil kira oleh Islam dalam pengharaman sesuatu makanan atau minuman atau bahan ialah:

- i. Kemudaratkan bahan tersebut terbukti dengan jelas atau nyata. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan pengambilan bahan tersebut secara kebiasaan (*ghalib*) boleh membawa kemudaratkan. Selain itu kemudaratkan tersebut boleh berlaku secara segera atau secara perlahan, boleh membawa kematian, kehilangan/kerosakan anggota, membawa penyakit berbahaya, atau kemudaratkan pada akal. Bahan yang memudaratkan itu sememangnya tidak dianggap sebagai sesuatu yang bermanfaat.

Penghujahan berdasarkan kepada analogi atau *qiyyas* juga membuktikan bahawa rokok elektronik dan vape tidak

berbeza hukumnya dengan rokok konvensional kerana kedua-duanya mempunyai *illah* yang sama iaitu memudaratkan tubuh.

Penggunaan rokok elektronik dan vape adalah bentuk pembaziran yang diharamkan oleh agama kerana ia adalah perbelanjaan dalam perkara yang sia-sia, tidak berfaedah, dan malahan memudaratkan tubuh. Ia juga membebankan ekonomi negara bagi membiasai kos rawatan penyakit berkaitan. Hal ini selari dengan *maqasid syariah* dalam memelihara harta benda supaya tidak berlaku penggunaan harta benda dengan cara pembaziran dan tidak bermanfaat kepada manusia (Yusuf Hamid al-'Alim. t.th.).

Penggunaan rokok elektronik dan vape juga terdedah kepada penyalahgunaan yang boleh membawa kepada kegiatan pengedaran ganja dan dadah yang berbahaya. Justeru, adalah wajar perkara-perkara yang boleh terdedah kepada kemudarat yang besar seperti ketidakpatuhan kepada agama, membahayakan keluarga dan keturunan itu wajib dibendung dan ditutup melalui penetapan hukum haram, berdasarkan kepada kaedah *sadd al-dharī'ah* iaitu "*menutup pintu kerosakan*". Ini amat selari dengan konsep *maqasid al-syari'ah* untuk menjaga kemaslahatan dan menghindari segala kemudarat (Yusuf Hamid al-'Alim. t.th; al-Burhani Muhammad Hisyam, 1995).

Berasaskan kepada *maslahah* umum, pihak pemerintah mempunyai kuasa untuk melarang penggunaan bahan-bahan yang memudaratkan kepada masyarakat bagi menjaga kepentingan umum (*maslahah ammah*) mereka berdasarkan kaedah fiqh (al-Suyuti, 1990):

*"Tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah bergantung kepada maslahah"*

Justeru, keputusan yang telah diambil oleh pihak Muzakarah amat tepat kerana Islam adalah agama yang lengkap yang sentiasa menjaga kehidupan manusia sejagat berdasarkan prinsip *maqasid al-Syariah* yang ingin menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Penggunaan rokok elektronik dan vape ini sekiranya tidak dibendung, boleh meruntuhkan lima prinsip syarak ini. Segala perkara yang merangkumi pemeliharaan kelima-lima prinsip ini adalah *maslahah* (kebaikan) dan segala perkara yang melempapkannya adalah *mafsadah* (kerosakan), mempertahankannya adalah *maslahah* (Yusuf Hamid al-'Alim. t.th).

Berdasarkan kepada hujah-hujah yang dikemukakan di atas, maka amat bertepatan dengan Muzakarah memberi pandangan hukum bahawa penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram. Justeru, umat Islam adalah dilarang menghisap rokok elektronik dan vape atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan rokok elektronik dan vape.

## Hukum Shisha Menurut Pandangan Syarak

Dalam isu berkaitan penggunaan shisha pula, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 17 Julai 2013 telah membincangkan isu ini dengan serius dan amat teliti kerana ia melalui beberapa proses penyelidikan dan kajian yang mendalam dari pelbagai pihak termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia. Setelah mendengar pembentangan dan penjelasan pakar-pakar daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan meneliti maklumat serta bukti-bukti perubatan dan saintifik terperinci yang dikemukakan dari dalam dan luar negara mengenai kesan dan kemudarat besar yang dihadapi akibat daripada shisha terhadap kesihatan ummah, pembangunan ekonomi negara serta pembentukan generasi pada masa akan datang, maka Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa shisha adalah haram. Oleh itu, umat Islam adalah dilarang menghisap shisha atau menyediakan perkhidmatan menghisap shisha atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan shisha.

Hal sama juga mengikut pendapat yang dikemukakan oleh Mufti Wilayah Persekutuan 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Bil. 9/2013-1434H yang bersidang pada 27 Ogos 2013 bersamaan 20 Syawal 1434H juga telah bersetuju memutuskan untuk menerima keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan (Khas) tersebut. Sebelum itu di Kedah, Sohibus Samahah Dato' Mufti Negeri Kedah Darul Aman telah pun membincangkan isu ini pada 24 Januari 2011 bersamaan 19 Safar 1432. Begitu juga di Perlis, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis juga telah membincangkan isu ini pada 24 Jun 2013 (Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2016).

Pengharaman shisha ini adalah berdasarkan nas-nas syarak daripada al-Quran dan Hadis serta kaedah *fiqhiyah* bagi memastikan lima perkara asas bagi manusia yang terkandung dalam *maqasid syariah* iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta dapat dipelihara sepetimana tuntutan syarak. Ini kerana shisha jelas meruntuhkan kekuatan pegangan agama memudaratkan kesihatan sehingga menyebabkan kematian dan gangguan kepada akal manusia, pengabaian terhadap tanggungjawab kepada keluarga dan keturunan, membazir dan mensia-siakan masa dan harta serta dikategorikan sebagai satu perkara buruk atau keji.

Justeru pengambilan shisha yang mengandungi komposisi yang negatif tidak menepati kehendak Allah S.W.T. ini. Islam melarang umatnya membiarkan diri sendiri terdedah dengan berbagai-bagai bahaya dan kemudarat. Ini sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke*

dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya. (*Surah Al-Baqarah*:ayat 195)

Menghisap shisha, rokok dan sebagainya adalah termasuk dalam kategori membina-sakan diri dengan melakukan kemudaratian, sama ada jangka pendek atau jangka panjang. Perkara ini amat ditegah dalam Islam ini kerana agama Islam amat mementingkan penjagaan lima perkara asas bagi manusia, iaitu: menjaga agama, akal, jiwa, keturunan, dan harta benda. Hal ini sangat bertepatan dengan konsep *maqasid syariah* dalam ajaran Islam (Yusuf Hamid al-'Alim. t.th).

Menghisap shisha adalah dianggap seperti membunuh diri sendiri secara perlahan dan tidak langsung tanpa diketahui oleh pengamalnya. Dalam ayat ini yang mengatakan berbunuhan, bukanlah bermakna membunuh menggunakan senjata tajam sahaja, malah ia merangkumi pembunuhan secara senyap yang boleh mendatangkan mudarat yang besar kepada manusia.

Dalam al-Quran juga Allah SWT menyatakan bahawa membelanjakan wang terhadap perkara-perkara yang tidak mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada diri sendiri, keluarga dan sebagainya amatlah ditegah dalam Islam. Perbuatan sedemikian boleh mendatangkan keburukan dan membawa kepada pembaziran harta, masa, tenaga dan sebagainya (Yusuf Hamid al-'Alim. t.th). Islam melarang setiap pembaziran seperti firman Allah S.W.T:

Maksudnya: ...dan janganlah kamu belanjakan dengan sangat boros. (*Surah Al-Isra'*:ayat 26)

Di samping itu, larangan menghisap shisha ini bertepatan dengan hadith Nabi S.A.W.:

Maksudnya: Tidak boleh mudaratkan (diri sendiri) dan memberi kemudaratian (kepada orang lain)

Dalam pada itu, hukum menghisap shisha boleh *diqiyaskan* dengan rokok kerana kedua-duanya mempunyai persamaan umum dari sudut komposisinya seperti sedutan asap yang terhasil daripada tembakau. Malah, kajian WHO menunjukkan asap yang terhasil daripada shisha lebih banyak terhasil berbanding rokok sebanyak 100-200 batang rokok pada satu-satu sesi.

Hal ini dikatakan demikian kerana Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 pernah membincangkan mengenai hukum merokok dari pandangan Islam dan telah memutuskan bahawa merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudaratian.

Fatwa ini juga selari dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh ulama Mesir, Dr. Abd AL-Jalil Shalabiy mengatakan merokok adalah haram kerana ia boleh mendatangkan kemudaratian kepada kesihatan masyarakat. Ia juga disokong oleh fatwa Arab Saudi yang dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi yang menyatakan bahawa merokok, menanam tembakau dan

memperniagakannya adalah haram kerana padanya ada kemudaratian

Selain daripada shisha mendatangkan kemudaratian yang besar pada kesihatan diri seseorang, ia juga boleh menyebabkan kerugian terhadap harta. Kajian WHO terhadap penghisap shisha di Mesir menunjukkan ia memberi kesan terhadap sistem pernafasan, jantung, pendedahan kepada penyakit berjangkit, gangguan sistem imunisasi dan hormone darah dan sebagainya.

Pengharaman ini juga dilihat bersesuaian dengan kedah fiqh yang disebut sebagai *sadd al-dhar'i* atau *menutup pintu kerosakan*. Hal ini dikatakan demikian usaha menyekat sesuatu yang boleh membahayakan diri seseorang perlu dilakukan agar ia dapat menjauhkan diri daripada perbuatan yang boleh memudaratkan. Bagi isu shisha ini, ia amat bahaya kepada kesihatan individu yang mengamalkannya. Perkara seumpama ini amat ditegah dalam Islam.

Menurut pendapat Sheikh Dr Yusuf Al-Qaradhwai (2004), pengambilan sesuatu yang memudaratkan adalah dilarang dan pengharaman tersebut amat sesuai dengan kehendak *maqasid syariah* demi menjaga *kemaslahan* agama, nyawa, akal, maruah dan harta benda (<http://www.aljazeera.net/programs/religionandlife/2004/6/3>) Oleh yang demikian, pengambilan shisha adalah haram.

Maksudnya: Setiap sesuatu yang memudaratkan, maka hukum memakannya atau meminumnya adalah haram.

Sheikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz seorang ulama menjelaskan shisha dan rokok merupakan antara perkara yang diharamkan memandangkan ia mempunyai keburukan yang besar berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan pakar-pakar perubatan. Allah S.W.T. mengharamkan ke atas setiap orang Islam sesuatu perkara yang mempunyai kemudaratian.

Darul Ifta' Al-Misriyyah Mesir, Arab Saudi dan Mufti Brunei Darussalam juga telah mengeluarkan fatwa mengharamkan shisha. Ini jelas menunjukkan bahawa fatwa yang dikemukakan oleh para ulama mengenai pengharaman umat Islam menghisap shisha adalah menepati dengan *maqasid syariah* bertujuan untuk menjaga nyawa, akal dan harta manusia serta sekali gus ia dapat mempertingkatkan kehidupan beragama dalam kalangan manusia.

## Kesimpulan

Apa yang boleh disimpulkan daripada perbincangan di atas adalah kesemua fatwa yang telah diputuskan oleh institusi fatwa di Malaysia mengenai penggunaan rokok elektronik atau vape dan penggunaan shisha adalah selari dengan *maqasid syariah* yang bertujuan untuk memelihara kemaslahatan dan menolak segala bentuk kemudaratian sama ada terhadap agama, nyawa, akal, kehormatan diri dan harta benda. Hanya apa yang perlu

dan sangat signifikan sekarang ialah kajian dan pertimbangan semula terhadap beberapa aspek berikut bagi menjamin keberkesanan penguatkuasaan sesuatu fatwa dalam mencapai objektif melahirkan suasana dan masyarakat yang berpegang kepada kehidupan beragama, menjaga nyawa, akal, keluarga dan harta supaya selari dengan *maqasid al-syari'ah*:

- i. Aplikasi hukuman berlandaskan Islam secara sistematis dari aspek jenis hukuman dan perlu dipertingkatkan sebagai memenuhi falsafah hukuman dalam Islam.
- ii. Fatwa berkaitan kesalahan penggunaan bahan terlarang dan merosakkan kesihatan dan pembaziran harta benda perlu diperkasakan dengan cara diwartakan dan dikuatkuasakan agar ia lebih konsisten dan jelas supaya masyarakat Islam tidak bertentangan dengan akhlak Islam dan hukum syarak.
- iii. Penggunaan terminologi yang lebih jelas dan tidak kabur bagi mengelakkan kekeliruan dan kontroversi dalam proses pelaksanaan dan penguatkuasaan terhadap mereka yang melakukan kesalahan berkaitan akhlak dan hukum syarak.
- iv. Disarankan agar institusi fatwa diberi autoriti yang lebih luas terutama dalam kes yang berkaitan penyalahgunaan bahan-bahan yang mabuk dan boleh memusnahkan nyawa dan akal dalam kalangan masyarakat semasa supaya hukum Islam tidak terus dipandang remeh dan rendah.
- v. Penjelasan dan penerangan perlu dibuat secara lebih meluaskan dan berterusan mengenai perkara yang boleh merosakkan nilai agama, nyawa, akal, zuriat dan harta manusia agar mereka tidak terjerumus dalam kemusnahan di dunia dan di akhirat.

Walaupun dalam fatwa yang dikemukakan di atas tidak disebut dan dinyatakan secara jelas perkaitannya dengan fokus penulisan berkaitan *maqasid syariah*, penulis sangat optimis bahawa keputusan-keputusan tersebut yang lebih bersifat penjelasan dan maklumat tetap mempunyai tujuan dan objektifnya tersendiri bagi memelihara nilai agama Islam, nyawa, akal, keturunan dan harta manusia.

Oleh itu, matlamat Syariah atau *maqasid syariah* hanya akan tercapai apabila manusia melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Jika mereka tidak mengetahui *maqasid* tersebut sekali pun, mereka tetap perlu menunaikan kewajiban dalam syariah Islam solat, zakat, puasa, haji dan segala perintah dan tegahan syarak yang lain. Tujuan, matlamat, kesan dan natijah yang bersangkutan dengannya adalah merupakan perintah dan tuntutan syarak yang wajib bagi setiap orang yang mukalaf (berakal dan cukup umur) agar menjalankan (syariat) dan berusaha untuk mencapainya.

Sesungguhnya syariah itu merangkumi segala apa yang diturunkan oleh Allah berupa hukum-hakam

yang berkaitan dengan akidah, amalan dan akhlak. Bahawa seluruh hukum-hakam yang diturunkan dari sisi Allah adalah dianggap sebagai syariah. Bahawa perkara dan akhlak itu tidak terasing daripada syariah. Akidah dan akhlak adalah asas dan tunjang yang mendorong kepada pelaksanaan syariah. Syariah adalah ibarat tindak balas daripada anggota tubuh untuk beramal dengan tuntutan akidah dan akhlak. Sesiapa yang beriman dengan akidah dan nilai akhlak namun menghapuskan syariah atau menerima syariah namun mensia-siakan akidah dan akhlak; maka dia bukanlah seorang Muslim yang berserah diri kepada Allah Taala dan dia tidak mengambil jalan yang membawa kepada keselamatan (dari api neraka).

## Rujukan

- Abdul Rahman Ibrahim al-Kailani. (2000). *Qawa'id al-Maqasid 'Inda al-Imam Al-Syatibi*. Damsyiq : Dar al-Fikr.
- Ahmad Yusdirman. (2016). Rokok Elektronik (Vape)- Bahaya atau Membantu Perokok?, Lihat dalam <http://www.majalahsains.com>).
- Al-Burhani Muhammad Hisyam. (1995). *Sadd al-Dhara T'fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti. (1990). *Al-Asybah wa al-Naza'ir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Badran Abu al-'Ainain Badran. (1969). *Usul al-Fiqh*, Mesir: dar al-Ma'arif
- Cartomizers vs Atomizers vs Clearomizers: Ultimate Guide, <https://quitsmokingcommunity.org>. Capai pada 9 Ogos 2016.
- Gilbert HA. (1965). *Smokeless non-tobacco cigarette*. 3,200,819 United States Patent Office 1963;; Wikipedia, Electronic cigarette, [http://en.wikipedia.org/wiki/Electronic\\_cigarette](http://en.wikipedia.org/wiki/Electronic_cigarette), Capaian pada 8 Ogos 2016.
- Hasan hj. Ahmad. (1999). Maqasid Syariah: Konsep dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum, dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari, *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Herzog B., Metrano B., Gerberi J. (2012). *Tobacco Talk Survey: E-Cigarettes a promising opportunity*. Equity Research, Wells Fargo Securities. Lihat: <http://www.stevevape.com/wp-content/uploads/2012/05/E-Cigs-A-Promising-Opportunity.pdf>. Capaian pada 9 Ogos 2016.
- Kamal Chaouachi. (2009). *Hookah (Shisha, Narghile) Smoking and Environmental Tobacco Smoke (ETS). A Critical Review of the Relevant Literature and the Public Health Consequences*, in International Journal of Environmental Research and Public

- Health, DIU Tabacologie, Université Paris XI / Paris, France; 6(2), 798-843.
- Leon Kosmider, Andrzej Sobczak, Maciej Fik, Jakub Knysak, Marzena Zaciera, Jolanta Kurek, Maciej Lukasz Goniewicz. (2014). *Carbonyl Compounds in Electronic Cigarette Vapors: Effects of Nicotine Solvent and Battery Output Voltage*, <http://ntr.oxfordjournals.org>, Capaian pada 23/8/2016.
- Maria Mironidou-Tzouveleki, Evangelia Tzitzis, Panagiotis Tzitzis. (2015). dalam Electronic Cigarette (E-Cig) As A Way Of Smoking Cessation: Benefits And Potential Harms, *Journal of Drug Addiction, Education, and Eradication*, Nova Science Publishers, Inc. Volume 11, Number 3-4 ; Mironidou-Tzouveleki, Maria; Tzitzis, Evangelia; Tzitzis, Panagiotis. 2015, *Journal of Drug Addiction, Education, and Eradication*. 2015:235-253.
- Rima Nakkash, Joanna Khalil. (2010). Health Warning Labelling Practices On Narghile (Shisha, Hookah) Waterpipe Tobacco Products And Related Accessories, in *Tobacco Control*, 19:235-239, <http://tobaccocontrol.bmjjournals.com> ). Capaian pada 9 Ogos 2016.
- Shukeri Mohamad. (1996). *Maqasid al-Syariah* dalam Pengurusan Harta, dalam Abdul Kadir et. Al, *Monografi Syariah*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya
- The Sacred Narghile. (updated 2006). Available at URL: <http://www.sacrednarghile.com/en/index.php>; Capaian ada 9 Ogos 2017.
- Wan Zulkifli Wan Hassan, Nabilah Abdullah, Jamsari Alias, Azizi Umar and Nazri Muslim, 2016, Maqasid Syariah dalam Pembinaan Fatwa Berkaitan Amalan Rentas Agama Dan Rentas Budaya di Malaysia. *Al-Hikmah*, 8 (2). pp. 128-147
- Online. <http://www.canadavapes.com/health/propylene-glycol-safety.html>.
- Online. <http://www.wisegeek.com/what-is-vegetable-glycerin.htm>.
- Yusuf al-Qaradhawi. (2004). [http://www.aljazeera.net/programs/religionandlife/2\\_004/6/3](http://www.aljazeera.net/programs/religionandlife/2_004/6/3). Capaian pada 9 Ogos 2017.
- Yusuf Hamid al-'Alim. t.th, *al-Maqasid al-'Amma li al-Syaria'ah al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Hadith